

# PM kesal sikap cuai kakitangan

BH 23 JUN 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dukacita dengan sikap segelintir kakitangan awam yang tidak menjalankan tugas dengan sempurna.

Perdana Menteri berkata, rakyat kecewa kerana masalah mereka gagal atau lewat diselesaikan atau tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa terbabit.

Katanya, masalah itu biasanya membabitkan soal jalan berlubang, bekalan air putus, sampah, perubatan dan pengangkutan awam.

"Perkara seperti ini dianggap remeh-temeh dan kurang penting. Tetapi sebenarnya, soal inilah yang harus diutamakan kerana ia menyentuh kehidupan rakyat.

"Fikirkanlah sendiri akibatnya jika masalah yang dianggap kecil ini terkena kepada diri sendiri, kerana kakitangan awam juga boleh menjadi pelanggan di masa dan tempat yang lain.

"Sepertimana kita tidak suka diberi layanan buruk, begitu juga kita harus jangan memberi layanan buruk kepada sesiapa," katanya merasmikan Konvensyen Cuepacs ke-

19 di sini hari ini. Ucapan-nya disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu perkhidmatan awam mendapat kepercayaan serta dihormati melalui usaha gigih pekerja untuk memperoleh pengiktirafan rakyat.

Menurutnya, kakitangan awam perlu mendalami dan menghalusi lagi aspek produktiviti dan kualiti yang ditekankan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran awam.

Katanya, produktiviti dan kualiti mempunyai kelebihan daripada sekadar menyelesaikan tugas mengikut jadual, menghasilkan kerja lebih banyak pada masa yang singkat atau mengelak pembaziran.

"Pekerja harus peka dengan aspirasi dan harapan rakyat. Kehendak dan keinginan rakyat kini bukan saja berbeza tetapi juga kian meningkat.

"Mereka tidak mudah menerima sesuatu tanpa soalan. Ini menunjukkan penduduk Malaysia berkemampuan membuat keputusan sendiri, lebih berani dan bijak," katanya.

Perdana Menteri berkata, kakitangan awam bukan saja tidak boleh mempermainkan rakyat tetapi harus melayani mereka dengan baik, penuh mesra dan segera.

Menurutnya, hubungan kakitangan awam dengan rakyat perlu sentiasa erat dan dipupuk agar usaha pembangunan kerajaan demi faedah rakyat dapat berjalan lancar.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, pemimpin kesatuan sekerja, khususnya dalam sektor awam, perlu membantu membentuk jentera kerajaan dan struktur perkhidmatan awam mantap, melalui pekerja yang komited, jujur, insaf, rajin dan mengutamakan rakyat serta negara.

"Pemimpin dan pekerja yang hanya mementingkan diri sendiri tidak mempunyai hak dan tempat untuk terus duduk dalam perkhidmatan awam," katanya.

Mengenai bonus untuk kakitangan awam, Perdana Menteri berkata, bayaran bonus tahunan mengikut Sistem Saraan Baru (SSB) hanya akan diberikan kepada kakitangan awam berdasarkan pencapaian prestasi ekonomi.